



KENYATAAN/SIARAN AKHBAR

Perbadanan Putrajaya (PPj) ingin merujuk kepada SKP bertajuk 'Perbadanan Putrajaya Tak Boleh Saman Sesuka Hati' oleh Pengguna Keliru yang disiarkan melalui segmen Surat, Berita Harian pada 8 Februari 2010.

Meletak kenderaan di siar kaki merupakan satu kesalahan yang boleh dikenakan tindakan sama ada di bawah Seksyen 49 (1)(g) Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 atau Akta Pengangkutan Jalan 1987, Kaedah 44 Kaedah Lalulintas Jalan (L.N 166/59). Tindakan perlu diambil kerana perbuatan tersebut menghalang laluan penjalan kaki, menyebabkan kerosakan pada siar kaki serta menyebabkan kekotoran atau tumpahan minyak injin sekiranya berlaku kebocoran pada *oil seal* injin.

Bahagian Penguatkuasa PPj tidak menyaman sesuka hati terutama ke atas pemilik kenderaan yang meletak kenderaan di sisian/sepanjang jalan utama berhampiran kawasan perumahan terutama pada waktu malam. Ini kerana pihak kami memahami masalah parkir yang tidak mencukupi terutama bagi penghuni rumah pangsa. Tindakan saman menghalang lalulintas hanya akan dikenakan sekiranya pemilik kenderaan tidak mengalihkan kenderaan mereka selepas jam 7.00 pagi pada hari bekerja dan jam 9.00 pagi pada hari kelepasan am.

Walaupun, pihak PPj akan mengeluarkan saman pada bila-bila masa tanpa mengira waktu bagi kesalahan meletak kereta di siar kaki. Sehubungan itu,

pihak PPj tidak akan bertolak ansur bagi kesalahan meletak kenderaan di siar kaki memandangkan kawasan ini adalah kawasan **STRICLY NO PARKING**, bukan sahaja di kawasan perumahan tetapi di tempat-tempat lain di sekitar Putrajaya.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.



(ZAHARAH SALAMAT)

Timbalan Pengarah Kanan Perhubungan Awam

b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 08 Februari 2010

Disediakan oleh Bahagian Perhubungan Awam untuk PERBADANAN PUTRAJAYA
Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8887 5013

Akhbar : Berita Harian
Segmen : Surat
M/s : 28
Tarikh : 8 Februari 2010

Perbadanan Putrajaya tak boleh saman sesuka hati

SAYA ingin mengemukakan sedikit pandangan mengenai prosedur Perbadanan Putrajaya yang mengeluarkan saman kesalahan meletakkan kenderaan.

Kawasan kuarters kerajaan memang padat dan ruang meletak kenderaan terhad sehingga ada yang meletak kenderaan di kaki lima jalan raya.

Pelbagai risiko terpaksa ditanggung penghuni terutama jika kawasan itu berdekatan dengan sekolah. Ia pasti agak sesak pada waktu pagi.

Satu peristiwa terjadi pada saya apabila meletak kenderaan di kaki lima di depan apartmen Fasa 11 Presint 9 kerana pulang lewat atas urusan pejabat dan tiada tempat meletak kereta.

Kawasan itu berdekatan sekolah dan Klinik Kesihatan Putrajaya.

Oleh kerana tidak mahu mengganggu lalu-lintas pada keesokan paginya saya meletak kenderaan di luar pejabat kaki.

Baru-baru ini saya dikejutkan dengan notis saman oleh Perbadanan Putrajaya kerana kesalahan meletak kenderaan di situ. Adakah kesalahan serius meletak kenderaan di luar pejabat kaki?

Banyak lagi kenderaan diletakkan di bahu jalan yang menyebabkan laluan semakin sempit dan menghalang bas berhenti mengambil penumpang. Risiko berlaku kemalangan lebih tinggi kepada kenderaan yang diletakkan di bahu jalan berbanding di luar pejabat kaki.

Mungkin pihak perbadanan sudah menjalankan kajian dan mendapati pengguna luar pejabat kaki amat ramai dan meletak kenderaan di situ mengganggu mereka sedangkan hakikatnya masih ada ruang untuk pejabat kaki.

Mungkin pihak Perbadanan Putrajaya perlu memberi penjelasan kepada kami pengguna yang kurang arif mengenai lalu lintas di Putrajaya ini.

**PENGGUNA
KELIRU,
Putrajaya.**